KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT PERINGKAT MENTERI-MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN ASEAN KE-13 SERTA MESYUARAT LAIN YANG BERKAITAN, SINGAPURA

Putrajaya - 28 Nov, YB Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Binti Wang, telah menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Pembangunan Luar Bandar Dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN Ke-13 (13th ASEAN Ministers Meeting on Rural Development and Poverty Eradication-13th AMRDPE) yang telah diadakan di Singapura pada 22 November 2023.

Mesyuarat pada tahun ini dengan tema “Memperkukuh Pendekatan Berasaskan Komuniti dan Perlindungan Sosial untuk Pembasmian Kemiskinan” telah dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Singapura, TYT Masagos Zulkifli dan turut dihadiri Setiausaha Agung ASEAN TYT Dr. Kao Kom Hourn serta Menteri dan Timbalan Menteri daripada 10 negara ASEAN lain termasuk Timor Leste.

Semasa mesyuarat tersebut, YB Datuk Hajah Rubiah Binti Wang telah menyampaikan kenyataan negara yang telah memberi penekanan kepada pembangunan kepimpinan luar bandar bagi memastikan keberkesanan pendekatan berasaskan komuniti bagi program pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan. Pendedahan di peringkat serantau juga perlu diberikan bagi mendaya upaya komuniti luar bandar dalam membangunkan kampung masing-masing. YB Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah juga telah menyatakan sokongan untuk semakan separuh penggal, Kerangka Pelan Tindakan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan 2021 hingga

2025 yang mengandungi 5 teras, 16 *outcome* dan 52 output. Malaysia juga turut memperkukuh komitmen untuk menjayakan pelan tindakan ini termasuk program berkaitan pembangunan wanita luar bandar.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, YBhg. Dato Sri Ramlan bin Dato' Harun telah menghadiri Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN Ke-20 (20th ASEAN Senior Officials Meeting Meeting on Rural Development and Poverty Eradication-20th ASEAN SOMRDPE) dan Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN Campur Tiga Ke-16 (16th ASEAN Plus Three Senior Officials Meeting Meeting on Rural Development and Poverty Eradication-16th ASEAN SOMRDPE+3) yang dipengerusikan oleh Puan Leow Siu Lin, Pengarah Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Singapura.

Mesyuarat ASEAN SOMRDPE Ke-20 dan ASEAN SOMRDPE+3 Ke-16 telah membincangkan mengenai cadangan implementasi Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar ASEAN, rangka kerjasama dengan negara rakan kongsi ASEAN seperti Jepun, Korea Selatan dan Republik Rakyat China serta kepentingan penglibatan penduduk luar bandar dalam program anjuan negara ASEAN.

Bersempena dengan Mesyuarat AMRDPE Ke-13, Singapura juga telah menganjurkan Majlis Anugerah Kepimpinan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan Ke-6 pada 21 November 2023 yang diadakan setiap dua tahun sekali. Majlis anugerah tersebut bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta dalam bidang pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan.

Untuk tahun 2023, Global Peace Foundation Malaysia telah memenangi anugerah tersebut untuk kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Langit Collective telah memenangi anugerah berkenaan untuk kategori swasta.

Global Peace Foundation Malaysia telah membantu kira-kira 2,310 keluarga Orang Asli dari segei akses infrastruktur, pembinaan tandas, aktiviti penjanaan pendapatan serta aktiviti pembelajaran *mobile* dan program pembelajaran berasaskan komuniti untuk kanak-kanak Orang Asli.

Manakala Langit Collective merupakan satu Perusahaan Sosial yang telah ditubuhkan pada tahun 2015 yang telah membantu kira-kira 9 buah kampung untuk meningkatkan pendapatan melalui amalan pertanian yang baik dan menghasilkan *niche product* yang dipasarkan di atas platform atas talian, hadiah korporat dan penggunaan di restoran terkemuka. Langit Collective turut mewujudkan sistem pengumpulan data petani yang terlibat untuk memudahkan pengesanan (traceability) dan melatih penduduk kampung dalam bidang pertanian mampan dan pemasaran.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan terus menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah ASEAN dalam pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan ke arah kepengerusian Malaysia dalam ASEAN pada tahun 2025 serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju pembangunan luar bandar di peringkat serantau.

-TAMAT-

Disediakan Oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
28 November 2023